

Tabiat yang bahaya: Ingatan PM pada rakyat

Alur Setar, Ahad. — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat bahawa tabiat sesuatu masyarakat meminta-minta kepada orang lain semata-mata sangat bahaya — ia boleh melemah dan melumpuhkan masyarakat itu

Katanya, dengan bergantung harapan semata-mata kepada orang lain, masyarakat itu tidak dapat menjalankan usaha sendiri, sekiranya pertolongan yang diberikan itu diberhentikan.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan boleh memberi bantuan sekadar yang mampu, tetapi yang lain perlulah dikhtiar sendiri oleh masyarakat.

Bellau tidak mahu rakyat negara ini dipanggil "masyarakat subsidi" kerana bergantung harapan semata-mata kepada bantuan Kerajaan.

"Kerajaan tidak boleh membantu seseorang itu sampai dia boleh tinggal dalam mahligai," kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika berucap kepada penduduk-penduduk di Pasir Putih dalam Daerah Padang Terap, kira-kira 50 km dari sini, semalam.

Bellau mengingatkan rakyat betapa pentingnya mereka berusaha sendiri untuk meningkatkan taraf hidup supaya hidup mereka lebih sempurna.

Ucapan itu dibuat ketika bellau melawat Pusat Pengumpulan Rotan di situ yang dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda).

Pendapatan

Bellau juga melawat Kompleks Perusahaan Buluh di Naka, Padang Terap dan diberikan taklimat oleh Pengurus Besar Keda, Dr Afifuddin Haji Omar.

Perdana Menteri merasa kurang senang kerana masih banyak kawasan di kampung-kampung belum diusahakan.

"Kawasan yang lapang patutlah diusahakan untuk meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir mengajak rakyat supaya bersama-sama berusaha dengan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh negara ini.

"Hasrat kita untuk mengatasi masalah boleh dicapai jika rakyat terus menyambut segala usaha baik Kerajaan," katanya.

Bellau berbangga kerana setakat ini masyarakat kampung telah dapat berusaha memperbaiki hidup mereka dan mengatasi sebahagian dari masalah yang dihadapi.

Kilang Buluh Naka dan Pusat Pengumpulan Rotan itu memberikan punca pendapatan tetap kepada ramai penduduk luar bandar dalam daerah tersebut.

Kilang buluh itu yang mengeluarkan barang-barang seperti bidai, lapik pinggan dan penutup lampu (lampat shade) dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir sendiri pada 14 April tahun lalu.

Kilang Pengumpulan di Pasir Putih pula, ditubuhkan dalam bulan April tahun ini.

5
Siri

Penerimaan